

PM sedia maafkan Nik Aziz

Oleh Misiah Taib

SUBANG, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau bersedia memaafkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, yang menuhunya tidak tahu membaca al-Quran.

“Saya maafkan dia. Bukan saja maaf... saya ampunkan dia,” kata Perdana Menteri pada sidang akhbar sekembalinya daripada menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah Keempat di Denmark dan lawatan peribadi ke Eropah.

Dr Mahathir yang tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini kira-kira jam 7.50 pagi ini, diminta mengulas hasrat Nik Aziz untuk memohon maaf selepas mengaku tersilap membuat tuduhan itu.

Dalam kenyataannya sebelum ini, Mursyidul Am Pas itu berkata, beliau akan membuat kenyataan meminta maaf dalam ceramahnya nanti kerana kesil-

31 3 0 SEP 2002
lapan itu dilakukan di pentas ceramah.

Mengenai penjelasan Nik Aziz bahawa apa yang hendak diperkatakannya ialah Perdana Menteri tidak tahu berbahasa Arab, Dr Mahathir berkata: “Dia pun tak fasih juga berbahasa Arab. Dia cakap bahasa Urdu bolehlah”.

Nik Aziz dilaporkan pernah mengikuti pengajian di India sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Ditanya sama ada Nik Aziz perlu kurangkan bercakap bagi mengelak melakukan terlalu banyak kesilapan, Dr Mahathir berkata: “Boleh juga. Kalau kita tak bercakap, orang tak tahu yang kita tak tahu.”

Mengenai pilihan raya kecil Gaya pula, Dr Mahathir berkata, calon Barisan Nasional (BN) akan diumumkan sebelum hari penamaan calon 3 Oktober ini.

Ditanya apakah bakal calon BN itu sudah dikenal-

pasti dan akan diwakili Parti Maju Sabah (SAPP) selaku penyandang kerusi berkenaan, beliau berkata: “Saya baru saja balik. Kita tengoklah nanti”.

Pilihan raya kecil Gaya akan diadakan pada 12 Oktober selepas Ahli Parlimennya, Datuk Yong Teck Lee diisytiharkan hilang kelayakan berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 3 September lalu mengenyepikan rayuan bekas Ketua Menteri Sabah itu berhubung kes dawaan rasuah pada pilihan raya negeri 1999 yang diputuskan Mahkamah Pilihan Raya.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.